

Publication: Berita Harian, p 18

Date: 9 June 2012

Headline: Britain's leading business school keen to open branch in Singapore

# Sekolah perniagaan terkemuka Britain mahu buka cawangan di sini

SEBUAH sekolah perniagaan terkemuka Britain, Sekolah Perniagaan Cass, yang dimiliki City University of London, merancang membuka cawangan sekolah itu di Singapura – sekali gus menjadikannya sebagai pintu gerbang di Asia.

Langkah itu diambil sedang ia cuba meluaskan kehadirannya di rantau ini dan ke negara-negara lain di Asia.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Sekolah Perniagaan Cass berharap rakan kongsinya yang baru iaitu Universiti Pengurusan Singapura (SMU) akan membantu mengukuhkan kedudukannya di rantau Asia.

Singapura adalah satu daripada dua bandar di Asia yang diminatinya bagi mengembangkan cawangannya untuk menawarkan pengajian kepada pelajar dan pertukaran fakulti, kata Dekan Cass, Profesor Andrew Clare.

Satu lagi bandar di Asia yang menjadi tumpuannya ialah Hongkong.

"Kedua-duanya adalah tempat semula jadi bagi kami berhubungan. Bandar-bandar itu mempunyai penduduk yang berpendidikan tinggi, mempunyai prasrama pendidikan yang sangat baik, dan dapat menyediakan pintu gerbang Cass di Asia."



**PROFESOR ANDREW CLARE:** Dekan Sekolah Perniagaan Cass. – Foto CASS BUSINESS SCHOOL

"Kami berharap kami juga dapat menjadi pintu gerbang bagi mereka di London dan Eropah," kata Profesor Clare kepada akhbar *The Business Times* semasa beliau mengunjungi Singapura baru-baru ini.

Profesor Clare berada di sini bagi mengajar modul elektif mengenai dasar kewangan selama empat hari – yang dianjur bersama dengan SMU dan Cass sebagai sebahagian daripada program kewangan bagi Sarjana Sains SMU.

Sebelum menjadi Dekan Cass, Profesor Clare adalah pengurus kajian kanan bagi Bank of England.

Beliau pernah disenaraikan sebagai pengarang kewangan ke sembilan terbaik di dunia sejak 50 tahun lalu.

Kursus sepenuh masa bagi Sarjana Pentadbiran Perniagaan Cass adalah antara yang tertinggi dalam senarai utama dunia.

Beliau berkata lebih ramai lulusan Sekolah Perniagaan Cass sudah mulai menganggap Singapura sebagai tempat sesuai bagi mereka menjadikannya tempat tinggal dan tempat bekerja menyusuli keadaan sukar yang dihadapi sekarang di negara-negara Eropah.